

SULIT\*

PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPL PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS 'NPERLIS  
 PKPSMPL **900/2** PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS **STPM 2008** 'NPERLIS  
 PKPSMPL PKPSMPL 'RLIS 'NPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPL **PENGAJIAN AM** 'RLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPL 'RLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, **KERTAS 2** JPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, JPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, JPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLIS IS.IPNPFRI ISPKPSMPERLIS IS.IPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPL **(ESEI)** 'ERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPL 'ERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPLERLISJPNPERLISPKPSMPLERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPFRI ISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, **(Tiga jam)** RLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, RLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPLERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
 SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2008**



**ANJURAN BERSAMA  
 PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
 SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS)  
 DAN JABATAN PELAJARAN PERLIS**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab enam soalan. Pilih satu soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B, D, dan E, dan dua soalan dalam Bahagian C.*

*Gunakan lembaran kertas yang berlainan bagi tiap-tiap bahagian.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

**NOTA**

*Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf. Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan.*

**Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak.**

© PKPSM Jabatan Pelajaran Perlis 2008

STPM 900/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

2

**Bahagian A**

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25]

1. Kebanjiran pekerja asing ke negara ini disebabkan pelbagai faktor yang seterusnya menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi yang semakin membimbangkan masyarakat. Bincangkan.
2. Sukan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Justeru, pelbagai langkah perlu dilaksanakan bagi meningkatkan mutu sukan negara. Bincangkan.

**Bahagian B**

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. [25]

3. Pengambilan pil makanan tambahan mendatangkan pelbagai manfaat. Walau bagaimanapun, amalan ini boleh mendatangkan kemudaratan kepada pengguna. Bincangkan.
4. Pencemaran air yang berlaku di negara ini dikatakan berpunca daripada kegiatan manusia sendiri sehinggakan telah menimbulkan kesan kepada hidupan. Bincangkan.

STPM 900/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

3

**Bahagian C**

Jawab **dua** soalan sahaja dalam bahagian ini: **satu** daripada soalan 5(a) **atau** 5(b) dan **satu** lagi daripada soalan 6(a) atau 6(b). [20]

5 (a) "...program ini menawarkan kepada pelancong gaya penginapan istimewa yang memberi penekanan kepada layanan mesra di kediaman penduduk tempatan dengan dikenakan bayaran yang berpatutan. Ekoran daripada itu, muncul konsep pelancongan desa yang lebih dikenali sebagai pelancongan *homestay*. Walaupun masih baru, kemunculannya dilihat menjadi daya tarikan baru kepada industri pelancongan negara ..."

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Darina Osman,  
"*Homestay: Tarikan Baru Industri Pelancongan*"  
*Dewan Ekonomi*, Julai 2005)

- (i) Apakah konsep pelancongan *homestay*?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, mengapakah kebanyakan pelancong menggemari pelancongan *homestay*?

**ATAU**

(b) "...Dahulu, universiti dikaitkan dengan pencapaian ketamadunan sesuatu bangsa terutama dari sudut pemikiran dan ketinggian ilmunya. Kini, universiti dikatakan tidak ubah seperti kilang yang hanya berperanan melahirkan seberapa banyak siswazah untuk memenuhi pasaran kerja semasa yang didukung oleh pertumbuhan ekonomi yang progresif. Akibatnya pelbagai sistem di universiti diubah sehingga fungsinya sebagai institusi ilmu tidak lagi berwujud dimainkan..."

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada,  
Mohd Shukri Mohd Ariff, *Memperbaiki Kepincangan*,  
*Dewan Masyarakat*, Julai 2005)

- (i) Apakah peranan yang sepatutnya dimainkan oleh universiti?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, mengapakah siswazah sendiri dikatakan menjadi punca masalah pengangguran dalam kalangan mereka?

STPM 900/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

4

6 (a) “Insentif menggunakan tenaga suria sebagai penjana elektrik bermula ekoran penerapan program Pengintegrasian Fotovoltaik Bangunan Malaysia (MBIPV). Sehingga kini, sumber tenaga elektrik di negara ini banyak bergantung pada gas dan tenaga fosil yang terhad, maka terdapat keperluan menggunakan tenaga suria untuk menjana tenaga elektrik. Di bawah projek SURIA 1000, pemilik rumah dan kedai dipelawa memasang sistem fotovoltaik dengan cara pembidaan harga..”

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Abd. Razak Abu Bakar, “Menjana Tenaga Alternatif”, *Dewan Masyarakat*, Oktober 2007)

- (i) Mengapakah perlu menggunakan tenaga suria untuk menjana elektrik?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, jelaskan kelebihan penggunaan sistem fotovoltaik sebagai penjana elektrik.

### ATAU

(b) “Penyakit diabetes didiagnosis dengan mengukur aras glukosa darah. Peningkatan aras glukosa dalam darah berlaku kerana tubuh tidak dapat menggunakan glukosa yang dihasilkan daripada penghadaman makanan. Pengambilan makanan manis juga menyumbang kepada peningkatan glukosa darah. Dalam keadaan diabetes, pengambilan glukosa oleh sel terganggu menyebabkan penimbunan glukosa dalam darah sehingga terjadi ‘hipoglisemia’.”

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Dr. Siti Balkis Budin, Bahaya Diabetes, *Dewan Masyarakat*, Januari 2008)

- (i) Apakah sebab berlaku penyakit diabetes?
- (ii) Dengan menggunakan tidak lebih 50 patah perkataan, jelaskan gejala yang sering dihidapi oleh pesakit diabetes.

STPM 900/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

5

## Bahagian D

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

[15]

7. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai bagi menunjukkan perbandingan indeks jenayah terpilih di Malaysia bagi tahun 2006 dan 2007.

Pola peningkatan pelbagai kes jenayah yang semakin kritikal telah dikaitkan dengan banyak perkara, antaranya disebabkan peningkatan kos sara hidup dan cita rasa masyarakat yang semakin berubah. Jumlah keseluruhan jenayah yang dicatatkan pada tahun 2007 berjumlah 45102 kes telah mengatasi jumlah keseluruhan jenayah pada tahun 2006 sebanyak 2755 kes.

Jenayah samun tanpa senjata api merupakan jumlah kes terbesar yang dilaporkan untuk kedua-dua tahun. Pada tahun 2006, sebanyak 21105 kes telah dicatatkan. Namun, jumlah tersebut menurun sebanyak 1252 kes pada tahun 2007 tetapi masih menunjukkan jumlah jenayah terbesar pada tahun tersebut. Keadaan ini diikuti dengan jenayah pemerasan dan ugutan yang mencatatkan sebanyak 7 885 kes pada tahun 2006 dan telah bertambah sebanyak 838 kes pada tahun berikutnya.

Kes jenayah mencederakan pula mencatatkan sebanyak 6501 kes pada tahun 2007 dan ini merupakan pertambahan sebanyak 785 kes berbanding tahun sebelumnya. Kes jenayah rogol yang melibatkan pelbagai peringkat telah mencatatkan sebanyak 3144 kes pada tahun 2007 iaitu pertambahan sebanyak 709 kes berbanding tahun 2006. Manakala kes jenayah cabul kehormatan juga telah mencatatkan peningkatan pada tahun 2007 kepada 2576 kes.

Kes jenayah samun bersenjata api yang semakin menjadi- jadi terutamanya melibatkan nilai wang yang banyak telah mencatatkan peningkatan lebih sekali ganda. Pada tahun 2007, jumlah kes jenayah tersebut mencatatkan pertambahan sebanyak 362 kes berbanding tahun 2006 yang hanya mencatat sejumlah 321 kes sahaja.

Kes jenayah bunuh pula mencatatkan sebanyak 604 kes pada tahun 2006 dan bertambah sebanyak 279 kes pada tahun 2007. Kes-kes yang melibatkan pendatang asing seperti jenayah merusuh telah dicatatkan sebanyak 2261 kes pada tahun 2006 dan semakin meningkat pada tahun 2007.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai  
daripada *Dewan Masyarakat*, November 2007)

STPM 900/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

6

8. Berdasarkan petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai bagi menunjukkan peratusan perubahan kedatangan pelancong negara-negara terpilih ke Malaysia antara tempoh Januari 2005 hingga Januari 2006.

Kementerian Pelancongan telah menyediakan pelbagai aktiviti yang dijangka mampu menarik minat pelancong untuk berkunjung ke negara ini. Sepanjang tempoh Januari 2005 kemasukan pelancong ke negara ini dicatatkan sebanyak 1 195 735 orang manakala pada tempoh Januari 2006 turut menunjukkan peningkatan sebanyak 32 058 orang.

Sebagai negara berjiran, Singapura adalah satu-satunya negara yang menyumbang jumlah kemasukan pelancong negara itu sebanyak 830 700 orang pada Januari 2006 berbanding hanya 791 897 orang pada tempoh yang sama tahun 2005. Manakala Thailand pula, jumlah kemasukan pelancongnya hanya 167 981 orang pada Januari 2005 dan jumlah ini mengecil sebanyak 44 347 orang pada Januari 2006. Pelancong dari Indonesia yang memasuki Malaysia dari pelbagai pintu masuk, sama ada melalui laut, darat dan udara berjumlah 151 214 orang pada tempoh Januari 2006 iaitu pertambahan sebanyak 41 493 orang berbanding tempoh Januari 2005.

Pelancong dari New Zealand walaupun jumlahnya agak kecil, turut menyumbang kepada pendapatan negara. Jumlahnya hanya 3421 orang pada Januari 2006 iaitu berkurang sebanyak 250 orang berbanding tempoh sebelumnya. Bagi Taiwan dan Korea Selatan pula jumlah kemasukan pelancongnya menunjukkan angka yang tidak konsisten. Korea Selatan menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 6571 orang menjadi 21 622 orang pada Januari 2006. Manakala pelancong Taiwan pula telah berkurang sebanyak 5054 orang pada Januari 2006 berbanding tempoh Januari 2005 yang berjumlah 21 234 orang.

Pelancong dari India pula berjumlah 29 064 orang pada Januari 2005 dan berkurang menjadi 20 572 orang pada tempoh berikutnya. Manakala pelancong dari Asia Barat tidak banyak berubah jumlahnya antara tempoh tersebut iaitu hanya berkurang sebanyak 418 orang berbanding tempoh Januari 2006 seramai 11 785 orang. Dalam tempoh Januari 2005, seramai 31 716 orang pelancong dari Jepun telah melawat negara ini dan jumlah ini telah bertambah sebanyak 2016 orang pada Januari 2006. Manakala jumlah pelancong selebihnya adalah datang dari negara-negara lain.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Dewan Ekonomi*, Mei 2007)

STPM 900/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

7

## Bahagian E

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

[ 15 ]

9. Berdasarkan jadual di bawah, tafsirkan arah aliran pinjaman yang dibiayai oleh institusi kewangan kepada beberapa sektor tertentu pada tahun yang dinyatakan.

**Arah Aliran Pembiayaan Pinjaman oleh Institusi Kewangan  
dari tahun 2003 hingga tahun 2005**

| Sektor                       | 2003    |        | 2004    |        | 2005    |        |
|------------------------------|---------|--------|---------|--------|---------|--------|
|                              | RM juta | %      | RM juta | %      | RM juta | %      |
| Perkilangan                  | 215.01  | 12.68  | 313.36  | 20.64  | 1437.22 | 74.88  |
| Pengangkutan dan penyimpanan | 2.13    | 0.13   | -25.96  | -1.71  | 336.77  | 15.55  |
| Hartanah dan pembinaan       | 896.52  | 52.75  | 668.80  | 44.05  | 79.83   | 4.16   |
| Perdagangan                  | 225.70  | 13.31  | 26.00   | 1.71   | 32.09   | 1.67   |
| Perlombongan dan kuari       | -12.91  | -0.76  | 17.73   | 1.17   | 13.82   | 0.72   |
| Pertanian                    | 87.77   | 5.18   | 122.75  | 8.09   | -62.33  | -3.25  |
| Lain-lain                    | 283.55  | 16.72  | 395.56  | 26.05  | 82.06   | 4.28   |
| Jumlah                       | 1697.77 | 100.00 | 1518.24 | 100.00 | 1919.46 | 100.00 |

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Kementerian Kewangan Malaysia,  
*Laporan Ekonomi 2004/2005*)

STPM 900/2


\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

8

10. Berdasarkan carta di bawah, terangkan amalan konsep pengguna bijak masa kini.



(Dipetik dan diubahsuaikan daripada,  
*Penjelasan Mengenai Subsidi Dan  
Kenaikan Harga Barang*, Jabatan Penerangan Malaysia, 2008)

STPM 900/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***